

'Galak saringan awal kanser elak merebak'

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan akan terus mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit kanser dalam kalangan orang ramai, selain menggalakkan saringan awal dilakukan bagi mengelak ia merebak ke seluruh badan.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr Hilmi Yahya, berkata kerajaan sudah mengenal pasti langkah penjagaan kesihatan dan rawatan bersetujuan membabitkan pencegahan penyakit itu.

Periksa kesihatan

"Kami menggesa orang ramai menjalankan pemeriksaan kesihatan terutama bagi mereka yang ada sejarah penyakit kanser dalam keluarga."

"Jika ada individu dikesan dan disahkan menghidap kanser, kita boleh merawat mereka kerana masih berada dalam peringkat awal," katanya selepas melancarkan Projek Kempen Kesedaran, Saringan dan Rawatan 2016 Kanser Usus Besar di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak, Cheras, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Majlis Tertinggi Yayasan Sime Darby, Datin Paduka Zaitoon Othman dan Presiden Persatuan Advokasi Kanser Malaysia (EMPOWERED), Dr Christina Ng.

Ketika ditanya mengenai kesan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) terhadap harga ubat, Dr Hilmi berharap ia tidak dinaiakan berikutan kos untuk membuat ubat sudah mahal.

"Kos membuat ubat mahal walaupun tidak dikenakan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

"Mereka yang mendapatkan rawatan dan ubat di hospital kerajaan usah risau kerana kos ditanggung kerajaan," katanya.

Sementara itu, Zaitoon berkata, kempen itu memberi manfaat kepada hampir 500 penduduk PPR berkenaan yang berumur 50 tahun ke atas, selain mempunyai potensi menghidap kanser.

"Pihak EMPOWERED melawat penduduk dari rumah ke rumah untuk memberi penerangan lanjut mengenai kanser," katanya.



Dr Hilmi (kiri) beramah mesra dengan pesakit Klinik 1Malaysia selepas merasmikan Projek Kempen Kesedaran, Saringan dan Rawatan 2016 Kanser Usus Besar di PPR Desa Tun Razak, semalam.

[FOTO ROSELA ISMAIL / BH]